

Tarikh : 30 Oktober 2024

No. Rujukan : ET08680001

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PEMANTAUAN PENSIJILAN MSPO KE ATAS TIMREST SDN BHD

Timrest Sdn Bhd telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "*Malaysian Sustainable Palm Oil*" (MSPO), MS 2530:2022 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2022 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2022 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit pemantauan MSPO akan dijalankan seperti berikut:


1.	Nama unit pengurusan	: Timrest Sdn Bhd
2.	Tarikh mula audit	: 20 November 2024
3.	Tarikh akhir audit	: 22 November 2024
4.	Lokasi audit	: Lot No. 64, Sungai Baoh Daerah Niah, 98000 Miri, Sarawak.
5.	Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit	: 7,490.80 Ha
6.	Standard yang digunakan	: MSPO 2530-3-2:2022
7.	Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran	1) Chen Sieng Yin 2) Nor Ezani Ahmad

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 20 November 2024**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:

Cik Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan

SIRIM QAS International Sdn Bhd

No. 1, Persiaran Dato' Menteri

Section 2, 40700 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

No. Tel: 03-5544 6119 | E-mel: kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di : Timrest Sdn Bhd

Saya merujuk kepada surat bertarikh untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang

Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan aspek sosial

Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan alam sekitar

Sila huraikan : _____

☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan

Sila huraikan : _____

☐ Lain-lain

Sila huraikan : _____

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : _____

Jawatan : _____

No. telefon : _____

Alamat e-mel : _____

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....
Nama :

Alamat :

No. Tel. :